

# Amerika pandang rendah Asia: PM

Oleh Kadir Dikoh

BH 7 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Amerika Syarikat bukan saja membantah kerjasama negara-negara di rantau ini, malah memandang serong cara pemimpin Asia berpakai.

"Ya...Amerika membantah walau cara saya berpakaian. (James) Baker (bekas Setiausaha Amerika) tidak suka saya memakai baju Melayu dan memberitahu Jepun seperti itu juga," katanya dalam temu ramah dengan *Financial Times*, yang disiarkan semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai sambutan dingin terhadap cadangannya supaya peraturan kerangka kewangan antarabangsa diwujudkan dan sama ada ia boleh dilakukan pada peringkat serantau, iaitu Asia.

Perdana Menteri berkata, memang banyak bantangan termasuk cadangan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tetapi di tempat lain mereka boleh berbuat apa saja sedangkan di sebelah sini tidak dibenar bercakap sesama sendiri.

## Negara kaya sering membangkang cadangan penubuhan Tabung Kewangan Asia kerana mahu mengaut keuntungan daripada kegiatan perniagaan mata wang

Namun, katanya, Asean bersama tiga negara Asia lain, iaitu Jepun, China dan Korea Selatan (Asean 3) masih berupaya membincang isu kecil tetapi belum berjaya sepenuhnya termasuk idea penubuhan Tabung Kewangan Asia yang belum berhasil.

Begitu pun kata beliau, banyak negara ini merasakan mengenai perlunya peraturan diwujudkan bagi membendung kegiatan spekulasi terhadap mata wang dan George Soros sendiri pernah mengakui mengenai keperluan itu.

Sebaliknya kata Dr Mahathir, negara kaya merasakan tidak perlu berbuat demikian kerana mahu mengaut keuntungan.

Beliau berkata, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pula lebih banyak retorik.

Mengenai keadaan ekonomi tempatan, beliau ber-

kata kadar pertumbuhannya dijangka mencapai sekurang-kurangnya enam peratus tahun ini dan Malaysia turut melakukan banyak perubahan termasuk memperbaiki pentadbiran korporat dan memperkukuhkan sistem perbankan.

Beliau turut menolak andaian pelbagai pihak bahawa Malaysia lebih suka melaksanakan projek mega dan menyatakan bahawa projek besar yang diusahakan adalah bagi keperluan jangka panjang termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Di Malaysia, kita melabur untuk masa depan. Jika anda membina lapangan terbang untuk tempoh keperluan 10, 15 atau 30 tahun akan datang, anda akan menghadapi masalah pada penghujung tempoh itu bagi mencari

tapak baru yang lebih jauh dan sukar pula diperolehi tanah.

"Jadi untuk membina lapangan terbang baru ini (KLIA), kita meninjau keperluan beratus tahun dari sekarang. Sekarang kita belajar daripada pengajaran apabila kita membina lapangan terbang lama pada 1964 yang direka bentuk untuk 400,000 penumpang setahun.

"Kita ingat angka itu besar. Pada akhir tempoh, kita berpindah ke lapangan terbang baru apabila kita mengendalikannya 17 juta penumpang," katanya.

Beliau berkata, begitu juga dengan projek hidro elektrik Bakun yang akhirnya akan menjadi kenyataan kerana negara memerlukan lebih banyak tenaga, dengan Bakun bakal menjadi sumber bekalan yang murah.

Katanya, ungkapan projek mega direka oleh orang lain dan projek yang dilaksanakan di Malaysia bukanlah sesuatu yang boleh digelar sebagai "mega" kerana ia dibina berdasarkan kemampuan negara tanpa meminjam daripada sesiapa bagi membiayainya.